

SOALAN NO: 68

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]
TARIKH : 25 JULAI 2017
SOALAN : 68

YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini projek pembinaan tempat meletak kereta bertingkat Hospital Umum Sarawak (HUS) serta projek-projek berkaitan, status pembinaan Hospital Petra Jaya Sarawak serta hospital Sri Aman. Jangka masa siap, pelan terkini serta syarikat-syarikat yang terlibat mengikut kontrak. Nyatakan sebab utama kelambatan projek tersebut dan langkah-langkah yang telah diambil bagi setiap hospital tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha menambahbaik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia terutamanya penduduk Sarawak. Justeru itu, Kementerian ini memandang serius berhubung kerja-kerja naik taraf fasiliti kesihatan di seluruh Sarawak terutamanya projek Hospital Umum Sarawak, Hospital Sri Aman dan Hospital Petrajaya.

Bagi maksud Projek Cadangan Menaiktaraf Hospital Umum Sarawak (HUS) secara Kerjasama Awam Swasta - *Built-Lease-Maintain-Transfer* (BLMT) melalui kaedah perolehan *Swiss Challenge* yang melibatkan pembangunan kompleks Tempat Letak Kenderaan (TLK) Bertingkat dan lain-lain kemudahan fasiliti kesihatan, kontrak Perjanjian Konsesi (CA) telah dimeterai di antara Kerajaan dan Pemaju Projek pada 28 April 2017. Pihak Pemaju Projek, iaitu Syarikat Asajuru Weida Sdn. Bhd., kini dalam proses untuk memenuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan dalam tempoh sembilan (9) bulan yang dipersetujui dalam CA. Pembinaan fizikal dijangka bermula pada tahun 2018 dengan tempoh pembinaan selama tiga (3) tahun dan diikuti oleh tempoh konsesi selama 17 tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Projek Hospital Sri Aman (108 Katil) telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah *Rolling Plan* Kedua, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Projek ini dilaksanakan di dalam 2 Fasa dan perinciannya adalah seperti berikut:

Fasa 1: Kerja-Kerja Tanah dan Rawatan Tanah

Kos Projek	: RM8,434,391.09
Kaedah Pelaksanaan	: Konvensional Perunding
Kaedah Perolehan	: Tender Terbuka
Kontraktor	: Golden Matrix Sdn. Bhd.
Tarikh Milik Tapak	: 30-07-2012
Tarikh Siap Sebenar	: 29-08-2013

Fasa 2: Kerja Bangunan dan Kerja Berkaitan

- Kos Projek : RM213,155,864.42
- Kaedah Pelaksanaan : Konvensional Perunding
- Kaedah Perolehan : Tender Terhad
- Kontraktor : Faltech Engineering Sdn. Bhd. JV Welfield Services Sdn. Bhd.
- Tarikh Milik Tapak : 26-10-2015
- Tarikh Siap Semasa : 25-10-2018
- Kemajuan Projek : Jadual: 56%
(sehingga 30 Jun 2017) Sebenarnya: 31% (Lewat 218 hari)
- Sebab-sebab Kelewatan Projek :
- 1) Kerja penanaman cerucuk bagi blok utama lewat mula disebabkan oleh pertukaran jenis cerucuk.
 - 2) Koordinasi kerja Mekanikal dan Elektrikal yang tidak efisien menyumbang kepada kelewatan kerja. Sebagai contoh kelewatan dalam mengemukakan permohonan kelulusan bahan, ketiadaan koordinator Mekanikal dan Elektrikal serta kelewatan dalam pengemukaan lukisan kerja.
 - 3) Bilangan pekerja yang ditempatkan di tapak adalah tidak mencukupi untuk mencapai sasaran kerja kontraktor seperti di dalam Program Kerja.
 - 4) Pihak kontraktor masih belum mengemukakan *Method of Statement* bagi kerja micropile untuk tujuan ulasan

pihak perunding dan kelulusan Pengarah Projek.

- 5) Perlantikan bagi kerja Wang Kos Prima masih belum dimuktamadkan.
- 6) Strategi pengurusan kontraktor yang tidak menunjukkan usaha untuk mengoptimumkan sumber di tapak.

- Tindakan yang telah :
Diambil oleh pihak
JKR
- 1) Mengadakan mesyuarat koordinasi dan pemantauan di tapak secara mingguan untuk mengukur pencapaian mingguan pihak kontraktor dan meneliti perancangan kerja akan datang pihak kontraktor (perancangan mingguan).
 - 2) Mengeluarkan surat amaran mengenai kemajuan kerja.
 - 3) Mesyuarat *Problem Solving Governance* (PSG) telah memutuskan bahawa pihak kontraktor perlu mencapai kemajuan fizikal minimum sebanyak tiga peratus sebulan bermula April sehingga Jun 2017. Sekiranya peratus kemajuan itu tidak dicapai, Notis Untuk Tujuan Penamatan akan dikeluarkan.
 - 4) Memantau pelan kerja pemulihan kontraktor.
 - 5) Dalam proses pertimbangan permohonan lanjutan masa oleh pihak kontraktor.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Projek Hospital Petrajaya (300 Katil) telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Perincian pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut:

Kos Projek : RM500,000,000.00

Kaedah Pelaksanaan : Reka dan Bina

Kaedah Perolehan : Rundingan Terus

Kontraktor : Zecon Berhad

Tarikh Milik Tapak : 30-05-2013

Tarikh Siap Semasa : 09-06-2017

Kemajuan Projek : Jadual: 100%

(sehingga 25 Jun 2017) Sebenar: 48.06% (Lewat 318 hari)

Sebab-sebab : 1) Masalah kekurangan pekerja di tapak.

Kelewatan Projek Kumpulan pertama pekerja asing dari China seramai 46 orang telah dibawa masuk ke tapak pada 25 Mei 2017 bagi melaksanakan kerja-kerja senibina (kerja bata dan plastering)

2) Lantikan sub-kontraktor Mekanikal dan Elektrikal lambat, dan telah menjejaskan kemajuan kerja di tapak.

3) Pengurusan kontraktor yang lemah. Kontraktor utama masih tidak berupaya mengikut *Work Programme* dan pelan pemulihan.

Tindakan yang telah : 1) Mengeluarkan surat amaran mengenai
Diambil oleh pihak kemajuan kerja.

JKR

2) Memantau pelan kerja pemulihan
kontraktor.

3) Pengarah Projek telah mengeluarkan
Notis untuk mengenakan Ganti Rugi
Tertentu dan Ditetapkan (*LAD*) pada
kadar RM89,506.85/sehari pada 25 Mei
2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini bersama Jabatan Kerja Raya dan Agensi-agensi
Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan
projek ini berjalan dengan lancar.

Adalah menjadi aspirasi Kementerian ini agar projek ini disiapkan pada
masa, kos dan standard yang telah ditetapkan.

SOALAN NO: 69

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Datuk Zahidi Bin Zainul Abidin
[Padang Besar]

TARIKH : 25 Julai 2017

SOALAN : Datuk Zahidi Bin Zainul Abidin minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan:

apakah tindakan pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam membantu petani harumanis untuk memasarkan hasil pertanian mereka ke peringkat luar negara dan apakah usaha yang dilakukan untuk meningkatkan kualiti buah ini.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian (DOA), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sedang mendapatkan akses pasaran bagi mangga harumanis ke negara Brunei Darussalam dan Korea Selatan setelah eksport harumanis ke negara Jepun dilaksanakan mulai tahun 2010.

Antara usaha yang dijalankan bagi meningkatkan kesedaran mengenai mangga harumanis di luar negara adalah melalui program galakan pemasaran yang dilaksanakan menerusi medium *in-store promotion*, penyertaan di dalam festival dan ekspo serta *trial shipment*.

Bagi memastikan kualiti buah terjamin, mangga harumanis yang dieksport hendaklah diperolehi daripada ladang-ladang yang telah mempunyai sijil *Malaysian Good Agricultural Practices* (MyGAP) serta mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Peraturan Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan (GPL).